

SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN

Adalah disahkan syarikat/Firma ini adalah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan tertakluk kepada syarat-syarat termaktub bersama sijil ini.

No. Pendaftaran : 0120150102-SL160720
Nama Kontraktor : MN POWER TRANSMISSION SDN. BHD.
Alamat Berdaftar : B-21-1, LEVEL 21, TOWER B, NORTHPOINT MID VALLEY CITY,
NO 1, MEDAN SYED PUTRA UTARA,
59200 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
Daerah : KUALA LUMPUR
Tarikh Mula Berdaftar : 02/01/2015

<u>GRED</u>	<u>KATEGORI</u>	
G7	B	(Pembinaan Bangunan)
G7	CE	(Pembinaan Kejuruteraan Awam)
G7	ME	(Mekanikal dan Elektrikal)
G7	F	(Fasiliti)

Tarikh Mula Berkuatkuasa : 17/11/2025
Tarikh Habis Tempoh Perakuan : 06/01/2029



Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Tarikh: 17/11/2025



SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN

1. Syarat Am

- 1.1. Sijil ini dikeluarkan berdasarkan maklumat-maklumat yang telah diberikan oleh Pemohon/Syarikat.
- 1.2. Sijil ini tidak boleh digunakan sebagai perakuan bagi memulakan/mengakujajani untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan. Sijil ini hanya boleh digunakan untuk menyertai perolehan kerja Kerajaan atau agensi yang berkaitan dengan kerajaan sahaja.
- 1.3. Sijil ini akan terbatal dengan sendirinya jika Perakuan Pendaftaran Kontraktor telah tamat tempoh sah laku atau dibatal/digantung menurut Peraturan 15, Peraturan Pendaftaran Kontraktor (Industri Pembinaan) 1995.
- 1.4. Sijil ini hendaklah dikemukakan bersama-sama Perakuan Pendaftaran Kontraktor semasa menyertai tender kerja Kerajaan atau agensi yang berkaitan dengan kerajaan sahaja.
- 1.5. Sijil ini hendaklah diperbaharui bersama-sama dengan Perakuan Pendaftaran Kontraktor yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

2. Tanggungjawab Syarikat/Pemegang Sijil

- 2.1. Syarikat/Pemegang sijil ini tidak boleh meminjamkan, memajak, memindahmilik, membenarkan atau menyebabkan apa-apa perkara yang menyebabkan sijil ini digunakan oleh seseorang yang tidak dinamakan untuk menggunakan sijil ini bagi tujuan mendapatkan perolehan Kerajaan.
- b) Kontraktor tidak boleh menyertai mana-mana tender atau melaksanakan apa-apa kerja pembinaan selepas habis tempoh Perakuan ini dan sehingga ianya diperbaharui.
- 2.2. Hanya pegawai-pegawai syarikat yang dinamakan di dalam sijil ini dibenarkan untuk menandatangani dokumen kontrak syarikat dan mengambil dokumen tawaran serta menghadiri lawatan tapak bagi kerja undi, sebut harga dan Tender. Syarikat juga tidak boleh mewakilkan pegawai lain bagi perkara dinyatakan.
- 2.3. Syarikat/Pemegang sijil hendaklah memastikan semua syarat-syarat yang ditetapkan bagi mendapatkan sijil ini dipatuhi di sepanjang tempoh sah laku sijil ini.
- 2.4. Sebarang Perubahan maklumat hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam tempoh 30 hari dari tarikh perubahan tersebut itu berlaku.
- 2.5. Syarikat/Pemegang sijil hendaklah mematuhi semua arahan dan ketetapan yang dikeluarkan oleh Kerajaan melalui Arahan Perbendaharaan, Surat Pekeliling CIDB yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

3. Tindakan Atas Keingkar

- 3.1. Syarikat/Pemegang sijil yang gagal mematuhi perkara 2; Tanggungjawab Syarikat/Pemegang Sijil akan dikenakan tindakan tatatertib sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan 15, Peraturan Pendaftaran Kontraktor (Industri Pembinaan) 1995
- 3.2. Lembaga ini berhak mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman yang sewajarnya terhadap kontraktor berdaftar.
- 3.3. Syarikat/Pemegang sijil yang dijatuhkan tindakan gantung, atau tarik balik Sijil Perolehan Kerja Kerajaan melalui prosiding tatatertib tidak boleh menyertai tender atau terlibat dengan perolehan Kerajaan dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- 3.4. Syarikat/Pemegang sijil yang dikenakan tindakan batal/tarik balik Sijil Perolehan Kerja Kerajaan akan dikeluarkan dari senarai daftar CIDB. Syarikat/Pemegang sijil berkaitan yang ingin mendapatkan semula Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat pengeluaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan bagi permohonan baru. Pegawai pengurusan utama syarikat yang di senarai hitam akan dihalang untuk mendapatkan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan untuk tempoh 3 tahun.

- 3.5. Syarikat/Pemegang sijil yang dikenakan tindakan senarai hitam/gantung melalui prosiding tatatertib tidak akan dikeluarkan dari senarai daftar CIDB. Syarikat/Pemegang sijil berkaitan hanya di benarkan menyertai tender atau terlibat dengan perolehan Kerajaan selepas tempoh senarai hitam/penggantungan selesai.

4. HAD KEWANGAN (KOS KERJA)

- 4.1 Kontraktor yang berdaftar di bawah Sijil Perolehan Kerja Kerajaan hanya dibenarkan menyertai tender yang dipelawa bagi Gred pendaftaran yang ianya didaftarkan.

4.2. Had Nilai Perolehan Kerja (Bangunan/Awam/Mekanikal)

Gred Pendaftaran	Had Nilai Perolehan Kerja (RM)
G1	200,000.00 dan ke bawah
G2	200,001.00 hingga 500,000.00
G3	500,001.00 hingga 1,000,000.00
G4	1,000,001.00 hingga 3,000,000.00
G5	3,000,001.00 hingga 5,000,000.00
G6	5,000,001.00 hingga 10,000,000.00
G7	Melebihi 10,000,000.00

4.3. Had Nilai Perolehan Kerja (Fasiliti)

Gred Pendaftaran	Had Nilai Perolehan Kerja (RM)
G4	Sehingga 3,000,000.00
G5	3,000,001.00 hingga 5,000,000.00
G6	5,000,001.00 hingga 10,000,000.00
G7	Melebihi 10,000,000.00

4.4. Had Nilai Perolehan Kerja (Elektrikal)

Gred Pendaftaran	Had Nilai Perolehan Kerja (RM)
G1	Sehingga 200,000.00
G2	Sehingga 500,000.00
G3	Sehingga 1,000,000.00
G4	200,001.00 hingga 3,000,000.00
G5	200,001.00 hingga 5,000,000.00
G6	200,001.00 hingga 10,000,000.00
G7	200,001.00 dan ke atas

5. Kawasan Operasi

Jenis Perolehan	Kawasan Operasi	Gred
Tender	Di Seluruh Negara	a) G7,G6,G5 dan G4 b) G3 (Taraf Bumiputera)
	Di Negeri Berdaftar	G3
Sebutharga	Di Daerah didaftarkan	G1
	Di Negeri berdaftar	G2
Kerja Undi & 'Requisition'	Di Daerah didaftarkan	G1